

# Ambil kira ancaman gempa bina bangunan

» *Kundasang, Ranau dikesan dalam zon sesar aktif*

Oleh **Suzianah Jiffar**  
suzianah@bh.com.my

▮ **Kota Kinabalu**

**A**ncaman bencana gempa bumi di Kundasang dan Ranau perlu diambil kira apabila membina bangunan tinggi di kawasan berkenaan.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Felix Tongkul, berkata kajian UMS bersama Jabatan Mineral dan Geosains Kota Kinabalu mengenal pasti zon sesar aktif di negeri ini dikesan di Kundasang dan Ranau mengunjur ke Lahad Datu serta Kunak.

## **Kesan tidak langsung**

Katanya, sesar aktif adalah retakan dalam kerak bumi hasil pergerakan plet bumi di rantau ini.

“Walaupun Sabah berada di luar Lingkaran Api Pasifik, pergerakan plet di jalur aktif ini memberi kesan secara tidak langsung kepada negeri ini.

“Gempa bumi baru-baru ini adalah lemah iaitu 4.8 skala Richter tetapi ada kemungkinan gempa bumi bermagnitud sederhana sehingga 6 pada skala Richter berlaku pada masa depan.

“Jika pusat gempa bumi itu berlaku berdekatan kawasan ramai penduduk seperti pekan Kundasang atau Ranau, ia akan memberi kesan signifikan kepada bangunan seperti yang berlaku pada Mei 1991 dengan magnitud 5.1 di Ranau dan Julai 1976 dengan magnitud 6.2 di Lahad Datu.

## **Beri perhatian**

“Justeru, ancaman bencana gempa bumi walaupun secara relatif agak kecil berbanding di negara jiran seperti Filipina dan Indonesia, perlu diambil perhatian apabila membina bangunan tinggi di kawasan terbabit” katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Sabtu lalu, gempa bumi lemah bermagnitud 4.8 skala Richter berlaku melanda Ra-

nau jam 7.35 malam dengan gegaran dirasai penduduk daerah itu termasuk Kundasang serta sebahagian Kota Belud.

Bagaimanapun, tiada kerosakan harta benda dilaporkan akibat gempa bumi lemah itu.

Prof Felix berkata, gempa bumi Sabtu lalu adalah keadaan biasa di kawasan berkenaan berikutan pergerakan kerak bumi sepanjang sesar aktif sekitar lokasi terbabit.

“Berdasarkan laporan awal gempa bumi dari United States Geological Survey (USGS), gempa bumi pada 1 Februari lalu berpusat di utara pekan Kundasang.

## **Lima kejadian gempa**

“Sejak lima tahun lalu, lima gempa bumi direkodkan di kawasan Kundasang-Ranau dengan yang terakhir pada Oktober 2011 berdekatan pusat gempa bumi, baru-baru ini,” katanya.

Pada Mei 1991, gempa bumi bermagnitud 5.1 skala Richter berlaku di Ranau sehingga merosakkan struktur bangunan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kundasang.



“*Jika pusat gempa bumi itu berlaku berdekatan kawasan ramai penduduk seperti pekan Kundasang atau Ranau, ia akan memberi kesan signifikan kepada bangunan seperti yang berlaku pada Mei 1991 dengan magnitud 5.1 di Ranau dan Julai 1976 dengan magnitud 6.2 di Lahad Datu*”

**Prof Felix Tongkul,**  
Pengarah Pusat  
Penyelidikan dan Inovasi,  
Universiti Malaysia Sabah